

30 MAY 2001

Mahathir-Indonesia

M'SIA DAN INDONESIA SETUJU G15 WUJUDKAN SATU MEKANISME

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia bersetuju supaya satu mekanisme diwujudkan bagi memantau segala persetujuan yang dicapai dalam Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang telah diadakan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata mekanisme itu juga boleh digunakan bagi tujuan mengadakan perjumpaan antara negara-negara kumpulan itu agar negara-negara G15 dapat memainkan peranan lebih penting dan berkesan.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di sini hari ini, beliau berkata kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar pendapat tentang perlunya hubungan antara negara-negara membangun diperkukuhkan.

Pertemuan Dr Mahathir dan Abdurrahman berlangsung selama setengah jam di bilik hotel Presiden Indonesia itu. Kesemua pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak G15 yang sedang berlangsung di sini menginap di Hotel Jakarta Hilton.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir juga telah melahirkan puas hatinya dengan perjalanan mesyuarat Sidang Kemuncak G15.

Katanya, Dr Mahathir dan Abdurrahman juga telah membincangkan pelbagai bidang yang menyentuh kepentingan dua hala yang antaranya melibatkan soal kelapa sawit dan soal Penerbangan Malaysia (MAS) menambahkan penerbangan ke Indonesia.

Beliau menyifatkan pertemuan kedua-dua pemimpin itu sebagai amat berhasil dan mereka melahirkan pandangan bahawa G15 merupakan sebuah badan yang konstruktif dan berjaya.

"Mereka juga banyak membincangkan perkara yang boleh membawa kepada peningkatan hubungan antara Malaysia dan Indonesia serta bagaimana kedua-dua buah negara boleh memainkan peranan yang berfaedah demi kepentingan G15," kata Syed Hamid.

Kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu ialah pada Sidang Kemuncak Asean di Singapura pada Disember tahun lepas.

-- BERNAMA

MKO RI